

### Utusan Malaysia September 2017

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	05 September 2017	SPRM ambil tindakan terhadap Guan Eng	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	3
2.	06 September 2017	Pengurus Projek Petronas Carigali antara 3 ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	4
3.	09 September 2017	Bekas eksekutif syarikat cari gali minyak antara tiga lagi direman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	5
4.	09 September 2017	Aset mewah, wang tunai, 20 akaun bank disita	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	7
5.	10 September 2017	Salah guna kuasa: Pasangan pensyarah Utem dibebaskan dengan jaminan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	8
6.	12 September 2017	Invois palsu: Pengarah, pembantu teknikal PCSB disambung reman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	9
7.	12 September 2017	Empat direman disyaki rasuah pegawai Jabatan Perhutanan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	11
8.	13 September 2017	Rasuah: Tiga pengurus, pemandu kilang direman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	13
9.	13 September 2017	Kes melibatkan FGV, pembelian hotel FIC	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	15
10.	13 September 2017	Lima direman bantu kes pembalakan haram di Jerantut	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	17
11.	14 September 2017	Empat individu termasuk Datuk ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
12.	14 September 2017	Direman seleweng RM40 juta dana kerajaan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	20
13.	14 September 2017	Terserah SPRM jalan siasatan terhadap PTPK	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	21
14.	19 September 2017	Lelaki 69 tahun direman bantu siasatan kes Ladang Gatco	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	22
15.	19 September 2017	Reman 4 individu seleweng RM40 juta dana kerajaan dilanjutkan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23
16.	27 September 2017	Dua bergelar Datuk direman bantu siasatan kes Gatco	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	24
17.	27 September 2017	Setiausaha Politik Menteri ditahan kes seleweng dana PTPK	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
18.	28 September 2017	Penolong pegawai dituduh rasuah RM5,000	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	27
19.	29 September 2017	Setiausaha Politik menteri direman enam hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	28

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tajuk Berita</b>	<b>Catatan</b>	<b>Muka Surat</b>
20.	29 September 2017	Penyelewengan PTPK: Lebih banyak saksi akan dipanggil	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	30
21.	30 September 2017	Pengarah kolej swasta direman untuk siasatan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	31
22.	30 September 2017	Richard beri keterangan 10 jam	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	32

## 1. SPRM ambil tindakan terhadap Guan Eng



KUALA LUMPUR 5 Sept. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memutuskan untuk mengambil tindakan terhadap Lim Guan Eng berikutan kenyataan fitnah Ketua Menteri Pulau Pinang itu berkenaan penahanan exco kerajaan negeri beliau, Phee Boon Poh sebelum ini.

Suruhanjaya itu dalam satu kenyataan hari ini menjelaskan, keputusan itu dibuat secara sebulat suara oleh pengurusan tertingginya setelah Guan Eng enggan memohon maaf atas kenyataan fitnah bahawa penahanan Boon Poh sebagai `penahanan haram oleh SPRM' walaupun telah diberi satu tempoh masa untuk berbuat demikian.

Berikutan itu, SPRM akan mengemukakan keputusan yang telah dibuat kepada Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali untuk tindakan selanjutnya mengikut peruntukan undang-undang.

"Ingin juga ditegaskan, SPRM menghormati hak serta kebebasan mana-mana pihak untuk mengkritik tetapi tidak akan sama sekali bertolak ansur jika mereka didapati mengeluarkan kenyataan fitnah khususnya berhubung siasatan yang sedang dijalankan dengan tujuan mencemarkan serta menjejaskan imej dan reputasi SPRM.

"SPRM tidak mempunyai kepentingan dalam mana-mana siasatan dan akan menyiasat setiap kes tanpa mengambil kira jawatan, ideologi politik dan kedudukan individu yang disiasat itu," kata suruhanjaya itu.

## 2. Pengurus Projek Petronas Carigali antara 3 ditahan

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Tiga individu termasuk seorang Pengurus (Project Delivery Group) Petronas Carigali Sdn. Bhd. (PCSB) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dipercayai berpakat mengemukakan inuis palsu berjumlah AS\$5.56 juta (RM23.69 juta).

Turut ditahan ialah seorang pengarah syarikat kontraktor berusia 57 tahun dan seorang bekas pembantu teknikal PCSB berusia 28 tahun dalam serbuan serentak di tiga lokasi berasingan antara pukul 2.40 hingga 3 petang hari ini.

Pengurus projek, 45, itu ditahan di pejabatnya di Menara Berkembar Petronas KLCC, manakala pengarah syarikat kontraktor berkenaan ditahan di rumahnya di Batu 9, Cheras, dekat sini.


Bekas pembantu teknikal terbabit pula ditahan di rumahnya di Puncak Alam, Selangor.

Menurut sumber, ketiga-tiga individu terbabit disyaki mengemukakan tuntutan palsu melalui tiga inuis syarikat kontraktor itu antara April hingga Jun.

"Inuis palsu itu dikemukakan bagi kerja-kerja The Provision of Jack-up Drilling Rig Çosl Boss for PCSB Drilling Programme yang berjumlah AS\$5.56 juta.

"Ketiga-tiga inuis itu sudah dibayar oleh pihak PCSB kepada syarikat kontraktor itu namun tiada kerja-kerja dilaksanakan bagi tuntutan tersebut," katanya di sini hari ini.

### 3. Bekas eksekutif syarikat cari gali minyak antara tiga lagi direman



TIGA lelaki di bawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya hari ini untuk direman berhubung kes mengemukakan invois palsu terhadap satu projek di Sarawak pada 2015.

PUTRAJAYA 8 Sept. - Bekas eksekutif sebuah syarikat cari gali minyak merupakan antara tiga lagi individu yang ditahan reman selama tujuh hari bagi membantu siasatan kes berkaitan tuntutan invois palsu berjumlah AS\$5.56 juta (RM23.65 juta) bagi satu projek di Bintulu, Sarawak pada 2015.

Dua individu lain yang ditahan reman ialah bapa mentua kepada bekas eksekutif itu dan suami kepada pengarah wanita sebuah syarikat kontraktor yang direman pada Rabu lepas.

Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman mengeluarkan perintah reman selama tujuh hari bermula hari ini hingga 14 September.

Bekas eksekutif berusia 40 tahun yang kini seorang ahli perniagaan dan bapa mentuanya, 65, ditahan di rumah mereka di Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur sebelum dibawa ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini pada 10.30 malam tadi.

Suami kepada pengarah wanita sebuah syarikat kontraktor berumur 53 tahun yang bekerja sendiri pula ditahan pagi ini di Ibu Pejabat SPRM di sini.

Sehingga kini, enam individu termasuk seorang wanita ditahan bagi membantu siasatan kes tersebut mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Pada Rabu, seorang pengurus kanan syarikat cari gali minyak dan seorang pengarah wanita sebuah syarikat kontraktor yang dikatakan dilantik untuk melaksanakan projek itu serta seorang bekas pembantu teknikal syarikat cari gali berkenaan direman enam hari berhubung kes sama.

Berdasarkan laporan media, suspek dipercayai mengemukakan tuntutan palsu melalui tiga invois syarikat kontraktor berkenaan antara April hingga Jun 2015 bagi kerja yang sepatutnya dilakukan syarikat itu.

#### 4. Aset mewah, wang tunai, 20 akaun bank disita

KUALA LUMPUR 8 Sept. - Kehidupan mewah hasil daripada penyelewengan RM23.69 juta menerusi tuntutan palsu projek membabitkan enam individu termasuk pegawai kanan Petronas Carigali Sdn. Bhd. (PCSB) tidak berpanjangan apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertindak menyita aset mereka.

Antara aset yang disita termasuk kenderaan mewah, wang tunai, jam tangan dan beg tangan mewah selain pembekuan lebih 20 akaun peribadi dan syarikat.

Menurut sumber, kesemua aset dan akaun yang disita itu dipercayai hasil penyelewengan yang dibahagikan antara enam individu yang ditahan bagi membantu siasatan berhubung kes mengemukakan invois palsu berjumlah AS\$5.56 juta (RM23.69 juta).

"Antara barangan yang disita membabitkan lima kereta iaitu Nissan Murano, Toyota Estima, Volkswagen Passat, Honda City dan Perodua Myvi serta sebuah motosikal berkuasa tinggi yang dibeli secara tunai.

"Selain kenderaan, SPRM turut menyita pelbagai mata wang asing sebanyak RM40,000, 21 utas jam tangan mewah serta 11 beg tangan mewah," katanya di sini hari ini.

Jelas sumber, hasil penyelewengan itu turut digunakan untuk melancong ke luar negara, pembelian rumah dan dilaburkan dalam pertukaran wang asing.

Pada Rabu lalu, seorang pengurus PCSB dan pengarah syarikat kontraktor serta bekas pembantu teknikal syarikat terbabit ditahan dan direman SPRM untuk disiasat berhubung kes berkenaan.

Hari ini, tiga lagi individu termasuk seorang bekas eksekutif PCSB, bapa mentuanya selain suami kepada pengarah syarikat kontraktor itu direman di Mahkamah Majistret Putrajaya bagi membantu siasatan kes sama.

Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab. Rahman memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan SPRM untuk menyiasat ketiga-tiga lelaki berkenaan kerana mengemukakan invois palsu bagi kerja-kerja The Provision of Jack-up Drilling Rig COSL BOSS for PCSB Drilling Programme di Bintulu, Sarawak pada 2015.

Difahamkan, tuntutan tersebut sudah dibayar oleh syarikat cari gali berkenaan kepada syarikat kontraktor terbabit, namun tiada kerja dilaksanakan untuk tuntutan tersebut.

**5. Salah guna kuasa: Pasangan pensyarah Utem dibebaskan dengan jaminan**



PASANGAN suspek yang merupakan pensyarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem) berkaitan kes salah guna kuasa membabitkan nilai kira-kira RM52,000 dibebaskan dengan jaminan di Mahkamah Majistret Melaka di sini hari ini.

MELAKA 10 Sept. - Sepasang suami isteri yang merupakan pensyarah di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem) dibebaskan hari ini selepas direman lima hari lalu bagi membantu siasatan salah guna kuasa membabitkan nilai kira-kira RM52,000.

Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret di sini, Mohd. Anuar Ostadi membenarkan suspek lelaki dijamin dengan jaminan RM3,000 dan RM47,000 tanpa cagaran, manakala isterinya dibenarkan jaminan RM2,000 dan RM8,000 tanpa cagaran.

Terdahulu, mereka yang berusia 35 dan 32 tahun tiba di pekarangan kompleks mahkamah tersebut pada pukul 10.20 pagi dengan memakai baju lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

**6. Invois palsu: Pengarah, pembantu teknikal PCSB disambung reman**



Pengurus PCSB dan bapa mertua bekas eksekutif PCSB dibebaskan dengan jaminan di Putrajaya semalam.

PUTRAJAYA 11 Sept. - Tempoh reman pengarah sebuah syarikat kontraktor dan bekas pembantu teknikal Petronas Carigali Sdn. Bhd. (PCSB) dilanjutkan empat hari lagi bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan invois palsu sebanyak AS\$5.56 juta (RM23.65 juta).

Perintah tersebut dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini dan berkuat kuasa mulai esok sehingga 15 September ini selepas Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab. Rahman membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah.

Pada masa yang sama, pengurus PCSB dan bapa mertua bekas pegawai eksekutif PCSB dibebaskan dengan jaminan masing-masing sebanyak RM50,000 dan RM20,000 beserta seorang penjamin selepas SPRM berpuas hati dengan siasatan berhubung kes tersebut.

Bapa mertua bekas pegawai eksekutif PCSB yang berumur 65 tahun itu dibebaskan lebih awal dari tempoh tamat reman pada Khamis ini.

Terdahulu pengarah syarikat, 53, pembantu teknikal, 28; pengurus PCSB, 45, dan bapa mertua bekas pegawai eksekutif PCSB itu dibawa ke Mahkamah Majistret di sini oleh pegawai SPRM kira-kira pukul 10.10 pagi dengan memakai baju lokap SPRM dan tangan bergari.

Pada Selasa lalu, pengarah syarikat yang dilantik untuk melaksanakan satu projek di Bintulu, Sarawak pada 2015 itu bersama-sama pengurus PCSB dan bekas pembantu teknikal PCSB ditahan SPRM sebelum direman selama enam hari bermula 6 September hingga hari ini.

Bapa mentua kepada bekas pegawai eksekutif PCSB itu pula direman bermula Jumaat lalu bersama menantunya dan suami kepada pengarah syarikat kontraktor terbabit dan tempoh reman keduanya akan berakhir pada Khamis ini.

Menurut sumber, kesemua suspek yang ditahan disyaki terbabit dalam kegiatan mengemukakan tuntutan palsu melalui tiga invoice syarikat kontraktor itu antara April hingga Jun 2015 bagi kerja yang sepatutnya dilakukan syarikat berkenaan.

Difahamkan, invoice palsu itu dikemukakan bagi kerja-kerja The Provision of Jack-up Drilling Rig Cost Boss for PCSB Drilling Programme yang berjumlah AS\$5.56 juta (RM23.65 juta) dan tuntutan itu sudah dibayar oleh PCSB kepada syarikat kontraktor terbabit, namun tiada kerja dilaksanakan bagi tuntutan itu.

### 7. Empat direman disyaki rasuah pegawai Jabatan Perhutanan



TIGA daripada empat suspek dibawa oleh pegawai SPRM ke Kompleks Mahkamah Kuala Terengganu hari ini bagi mendapatkan perintah tahanan reman

KUALA TERENGGANU 12 Sept. - Tiga pengurus dan seorang pemandu kilang papan hari ini ditahan reman selama lima hari bagi membantu siasatan kes memberi rasuah kepada pegawai Jabatan Perhutanan negeri, baru-baru ini.

Perintah terhadap empat lelaki yang bekerja di tiga kilang papan berasingan itu dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Kuala Terengganu, Noradila Ab. Latif .

Sumber SPRM berkata, kesemua suspek yang berusia dalam lingkungan 29 hingga 62 tahun itu masing-masing disyaki memberi rasuah antara RM500 hingga RM1,000 kepada tiga pegawai Jabatan Perhutanan Terengganu dalam tiga insiden berasingan dari 23 Mei hingga 28 Ogos lalu.

Kesemua suspek disiasat mengikut Seksyen 17 (b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

"Suspek pertama yang merupakan pengurus sebuah kilang berusia 62 tahun disyaki memberikan wang suapan RM1,000 kepada seorang pegawai Jabatan Perhutanan negeri pada pukul 8.40 malam, 23 Mei lalu.

"Ia dipercayai sebagai dorongan agar tidak dikenakan tindakan atas kesalahan memiliki hasil hutan yang tidak dibayar cukai," ujar sumber itu.

Sumber SPRM itu berkata, suspek kedua dan tiga yang masing-masing pengurus dan pemandu sebuah kilang papan lain disyaki memberi rasuah RM500 setiap seorang kepada seorang pegawai Jabatan Perhutanan negeri pada pukul 3.45 petang, 6 Julai lalu.

Beliau berkata, pemberian wang suapan itu dipercayai sebagai dorongan agar tidak dikenakan tindakan atas kesalahan kerana gagal mengemukakan pas pemindahan kayu serta memiliki kayu-kayu bulat pelbagai spesis yang disyaki tidak dibayar cukai.

"Suspek keempat pula disyaki memberi rasuah wang tunai RM500 kepada seorang pegawai jabatan itu sebagai dorongan tidak dikenakan tindakan atas kesalahan memiliki kayu pelbagai spesis yang disyaki tidak dibayar cukai.

"Suspek berusia 35 tahun yang merupakan seorang pengurus syarikat papan dipercayai memberi rasuah itu pada pukul 4.15 petang, 28 Ogos lalu," katanya.

#### 8. Rasuah: Tiga pengurus, pemandu kilang direman



**Tiga pengurus syarikat dan seorang pemandu kilang papan ditahan reman lima hari oleh SPRM bagi membantu siasatan kes pemberian rasuah kepada pegawai Jabatan Perhutanan Terengganu di Mahkamah Majisteret Kuala Terengganu, semalam**

KUALA TERENGGANU 12 Sept. - Tiga pengurus dan seorang pemandu kilang papan direman lima hari mulai hari ini bagi membantu siasatan kes memberi rasuah kepada pegawai Jabatan Perhutanan negeri, baru-baru ini.

Perintah reman terhadap empat lelaki yang bekerja di tiga kilang papan berasingan itu dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar, Noradila Ab. Latif mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah di Mahkamah Majistret di sini hari ini.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata, kesemua suspek yang berusia dalam lingkungan 29 hingga 62 tahun itu disyaki memberi rasuah antara RM500 hingga RM1,000 kepada tiga pegawai Jabatan Perhutanan Terengganu dalam tiga kejadian berasingan antara 23 Mei dan 28 Ogos lalu.

Kesemua suspek disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

"Suspek pertama yang merupakan pengurus sebuah kilang berusia 62 tahun disyaki memberikan wang suapan RM1,000 kepada seorang pegawai Jabatan Perhutanan negeri pada pukul 8.40 malam, 23 Mei lalu.

"Wang suapan itu dipercayai sebagai dorongan agar tidak dikenakan tindakan atas kesalahan memiliki hasil hutan yang tidak dibayar cukai," ujar beliau.

Sumber SPRM itu berkata, suspek kedua dan ketiga yang terdiri daripada pengurus dan pemandu sebuah kilang papan lain pula disyaki memberi rasuah RM500 setiap seorang kepada seorang pegawai Jabatan Perhutanan negeri pada pukul 3.45 petang, 6 Julai lalu.

Beliau berkata, pemberian wang suapan itu dipercayai sebagai dorongan agar mereka tidak dikenakan tindakan atas kesalahan gagal mengemukakan pas pemindahan kayu serta memiliki kayu-kayu bulat pelbagai spesis yang disyaki tidak dibayar cukai.

"Suspek keempat pula disyaki memberi rasuah wang tunai RM500 kepada seorang pegawai jabatan itu sebagai dorongan tidak dikenakan tindakan atas kesalahan memiliki kayu pelbagai spesis yang dipercayai tidak dibayar cukai," katanya.

Menurut beliau lagi, suspek berusia 35 tahun itu yang merupakan seorang pengurus syarikat papan dipercayai memberi rasuah itu pada pukul 4.15 petang, 28 Ogos lalu.

9. Siasatan selesai akhir bulan ini

Kes melibatkan FGV, pembelian hotel FIC



Dzulkifli Ahmad (dua dari kiri) dan Norazlan Mohd. Razali memegang logo ulang tahun SPRM yang ke-50 dalam Majlis Kempen Pencegahan Rasuah Dalam Sektor Pengangkutan Awam di Bangsar, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Azmi Abdul Aziz (kiri) dan Abdul Samat Kasah (kanan). BERNAMA

KUALA LUMPUR 12 Sept. - Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung Felda Global Ventures Berhad (FGV) dan pembelian hotel oleh Felda Investment Corporation (FIC) dijangka selesai akhir bulan ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad berkata, buat masa ini, masih ada lagi beberapa perkara yang perlu diteliti dan dilengkapkan dalam kedua-dua kertas siasatan kes terbabit.

Menurutnya, selepas perkara itu lengkap, maka baharu ia diserahkan kepada Jabatan Peguam untuk tindakan selanjutnya.

"Pagi tadi saya diberi taklimat bahawa ada sedikit lagi tindakan perlu dilakukan untuk lengkapkan siasatan melibatkan FGV dan FIC.

"Kami akan hantar kertas siasatan bersama beberapa cadangan kepada Jabatan Peguam Negara untuk membuat keputusan sama ada kes ini akan dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan atau sebaliknya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar Majlis Pelancaran Logo Ulang Tahun Ke-50 SPRM dan Kempen Pencegahan Rasuah Dalam Sektor Pengangkutan Awam di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz, Ketua Staf Pejabat Eksekutif Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Norazlan Mohd. Razali dan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Datuk Abdul Samat Kasah.

Ditanya mengenai kandungan cadangan yang akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara, Dzulkifli berkata, pihaknya masih belum membuat sebarang cadangan kerana siasatan belum lengkap.

"SPRM ketika ini belum memutuskan individu yang akan didakwa termasuklah bekas Pengerusi FGV, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Zakaria Arshad," ujarnya.

Sementara itu Dzulkifli memberitahu, pengurusan tertinggi SPRM sebelum ini dalam kenyataan sebulat suara memutuskan untuk mengambil tindakan terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dan mahu meneruskan keputusan tersebut.

"Sekarang kita sudah merujuk perkara itu kepada Peguam Negara. Buat masa ini kita masih menunggu maklum balas Peguam Negara untuk tindakan seterusnya dilakukan," jelasnya.

### 10. Lima direman bantu kes pembalakan haram di Jerantut



SPRM membawa lima individu termasuk Pegawai Hutan Daerah Jerantut dan isterinya direman enam hari bagi membantu siasatan kes rasuah kegiatan pembalakan haram daerah Jerantut di Mahkamah Majistret, Kuantan, Pahang semalam. BERNAMA

KUANTAN 12 Sept. - Seorang pegawai Jabatan Perhutanan Daerah Jerantut dan isterinya antara lima individu yang direman enam hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah melibatkan kegiatan pembalakan haram di Jerantut, dekat sini sejak 2015.

Tiga lagi yang direman sehingga 17 September ini ialah seorang Renjer Hutan Daerah Jerantut, pemilik dan pengurus sebuah syarikat kontraktor.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Tengku Eliana Tuan Kamaruzaman setelah membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah di Mahkamah Majistret di sini hari ini.

Kelima-lima suspek yang berusia antara 40 hingga 50 tahun itu ditahan di rumah masing-masing dan Pejabat Hutan Jerantut semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

Kesemua suspek diwakili peguam Hon Kai Ping manakala SPRM diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Fadly Mohd. Zamri.

Mereka dipercayai terlibat dalam kegiatan pembalakan haram di daerah berkenaan yang mengakibatkan kerajaan negeri mengalami kerugian berjuta-juta ringgit dalam tempoh lebih dua tahun lalu.

Difahamkan, siasatan berkisar kepada pemberian dan penerimaan rasuah agar tiada tindakan penguatkuasaan diambil terhadap kegiatan pembalakan haram di daerah itu antara 2015 hingga tahun ini.

### 11. Empat individu termasuk Datuk ditahan

KUALA LUMPUR 13 Sept. - Salah guna kedudukan dan seleweng dana RM40 juta.

Itu kegiatan yang dilakukan tiga pegawai Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan seorang pengarah sebuah syarikat yang disyaki terlibat dalam penyelewengan wang peruntukan dalam mengendalikan program-program latihan kemahiran kepada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.

Tiga pegawai PTPK yang ditahan terdiri daripada ketua eksekutif bergelar Datuk yang berusia 58 tahun, setiausaha, 34, dan penolong pegawai kewangan, 32.

Menurut sumber, kesemua mereka ditahan di beberapa lokasi di Kuala Lumpur kira-kira pukul 4.30 sehingga 6 petang ini dalam satu operasi yang dilancarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ujarnya, ketiga-tiga pegawai PTPK tersebut dipercayai telah bersubahat dengan pengarah syarikat terbabit yang bergelar Doktor untuk menyeleweng wang yang telah diperuntukkan oleh kerajaan Persekutuan untuk mengendalikan program latihan tersebut.

"Bagi menjalankan program tersebut, kerajaan telah memperuntukkan RM35 juta pada 2016 manakala RM40 juta lagi pada tahun ini.

"Namun, siasatan awal mendapati pada tahun 2016, mereka telah menyeleweng sebanyak RM15 juta manakala RM25 juta pada tahun ini dan menjadikan dana yang diseleweng berjumlah RM40 juta," katanya di sini hari ini.

Sumber itu menambah, ketiga-tiga pegawai PTPK terlibat turut dikatakan telah berpakat dengan pengarah syarikat tersebut dengan meluluskan 15 syarikat miliknya untuk mengendalikan program-program berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan berkata, pihaknya sedang mendapatkan dokumen-dokumen melibatkan penyelewengan itu.

Beliau memberitahu, pihaknya akan memanggil saksi-saksi untuk mengambil keterangan dalam masa terdekat dan tidak menolak kemungkinan lebih ramai lagi akan ditangkap untuk membantu siasatan.

"Kita akan menyiasat kes ini secara terperinci dan mengenal pasti saksi-saksi yang perlu dipanggil untuk tampil membantu siasatan dalam masa terdekat," katanya.

## 12. Direman seleweng RM40 juta dana kerajaan



### EMPAT individu direman

PUTRAJAYA 14 Sept.- Empat individu termasuk Ketua Eksekutif sebuah perbadanan bergelar Datuk direman enam hari bagi membantu siasatan berhubung kes penyelewengan dana kerajaan RM40 juta untuk tujuan program latihan.

Perintah reman dikeluarkan oleh Majistret Nik Isfhanie Tasnim Wan Ab. Rahman yang membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat keempat-empat lelaki terbabit.

Mereka direman mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 sehingga 19 September ini.

Selain individu berstatus Datuk itu, tiga suspek lain yang direman adalah setiausaha perbadanan, penolong pegawai kewangan dan pengarah syarikat bergelar doktor.

Kesemua mereka ditahan di beberapa lokasi di ibu negara antara pukul 4.30 dan 6 petang semalam dalam satu operasi khas yang dilancar SPRM.

Difahamkan, siasatan awal SPRM mendapati pada tahun 2016, salah seorang suspek disyaki menyeleweng sebanyak RM15 juta manakala RM25 juta pula pada tahun ini.

Menurut sumber SPRM, kerajaan telah memperuntukkan RM40 juta untuk tahun ini kepada perbadanan itu bagi mengendalikan program-program latihan dan pada tahun 2016, sejumlah RM35 juta turut diperuntukkan.

Dana itu diberi kerajaan untuk mengendalikan program-program latihan kemahiran khusus kepada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan. -

### 13. Terserah SPRM jalan siasatan terhadap PTPK

PUTRAJAYA 14 Sept.- Kementerian Sumber Manusia menyerahkan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan siasatan berhubung penyelewengan dana kerajaan RM40 juta yang berlaku di agensinya, Perbadanan Tabung Pembangunan Pendidikan Kemahiran (PTPK).



**RICHARD RIOT JAEM**

Menterinya, Datuk Seri Richard Riot Jaem berkata, pihaknya memberi jaminan untuk memberikan kerjasama penuh kepada SPRM bagi menjalankan siasatan berhubung kes tersebut.

"Pihak kementerian menyokong terhadap segala usaha SPRM dalam membanteras rasuah dan penyelewengan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pada hari ini, empat individu termasuk Ketua Eksekutif PTPK bergelar Datuk direman enam hari bagi membantu siasatan berhubung kes penyelewengan dana kerajaan RM40 juta untuk tujuan program latihan.

**14. Lelaki 69 tahun direman bantu siasatan kes Ladang Gatco**



LELAKI berusia 69 tahun direman lima hari bantu siasatan kes Ladang Gatco di Mahkamah Majistret di Putrajaya di Putrajaya hari ini.

PUTRAJAYA 19 Sept. - Seorang lelaki berusia 69 tahun direman lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung isu pertikaian pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah, Jempol yang dahulunya dikenali sebagai Ladang Gatco.

Perintah reman dikeluarkan Majistret, Siti Nabila Abd. Rashid di Mahkamah Majistret di sini hari ini.

Semalam, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzul kifli Ahmad berkata, individu itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM pada pukul 2.45 petang.

Katanya, lelaki itu berperanan sebagai orang tengah dan penahanan itu adalah yang pertama sejak SPRM menubuhkan jawatankuasa khas.

Bulan lalu, Dzul kifli mengumumkan satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi menyiasat aduan penduduk Kampung Serampang Indah berhubung isu pertikaian tanah.

Isu itu bermula selepas pemilik asal tanah seluas 2,000 hektar berkenaan, Syarikat Gula Negeri Sembilan ditutup sehingga menyebabkan ladang tebu itu dilupuskan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) secara pajakan selama 99 tahun.

### **15. Reman 4 individu seleweng RM40 juta dana kerajaan dilanjutkan**

PUTRAJAYA 19 Sept. - Reman empat individu termasuk Ketua Pegawai Eksekutif sebuah perbadanan bergelar Datuk disambung antara dua hingga tiga hari lagi bagi membantu siasatan berhubung kes penyelewengan dana kerajaan berjumlah RM40 juta untuk tujuan program latihan.

Perintah tersebut dikeluarkan oleh Majistret Siti Nabila Abd. Rahid yang membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyambung siasatan ke atas keempat-empat lelaki terbabit.

Reman ke atas tiga individu yang berusia antara 34 hingga 58 tahun itu disambung sehingga 22 September ini manakala seorang lagi yang berusia 31 tahun sehingga 21 September.

Mereka ditahan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Selain individu berstatus Datuk itu, tiga suspek lain yang direman adalah setiausaha perbadanan, penolong pegawai kewangan dan pengarah syarikat bergelar doktor.

Kesemua mereka ditahan di beberapa lokasi di ibu negara antara pukul 4.30 dan 6 petang 13 September lalu dalam satu operasi khas yang dilancarkan SPRM.

Difahamkan, siasatan awal SPRM mendapati pada tahun 2016, salah seorang suspek disyaki menyeleweng sebanyak RM15 juta manakala RM25 juta pula pada tahun ini.

Menurut sumber SPRM, kerajaan telah memperuntukkan RM40 juta untuk tahun ini kepada perbadanan itu bagi mengendalikan program-program latihan dan pada tahun 2016, sejumlah RM35 juta turut diperuntukkan.

Dana itu diberi kerajaan untuk mengendalikan program-program latihan kemahiran khusus kepada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.

## 16. Dua bergelar Datuk direman bantu siasatan kes Gatco



Salah seorang daripada dua individu bergelar Datuk dibawa ke Mahkamah Majistret, Putrajaya, semalam untuk permohonan reman bagi membantu siasatan berhubung isu pertikaian pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah, Jempol yang dahulunya dikenali Ladang Gatco.

PUTRAJAYA 26 Sept. - Dua ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat yang masing-masing bergelar Datuk direman tiga hari bagi membantu siasatan berhubung isu pertikaian pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah, Jempol yang dahulunya dikenali sebagai Ladang Gatco.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Mohd. Nor Hafidzuddin Yusoff selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat dua lelaki terbabit.

Kedua-dua suspek yang mempunyai hubungan adik-beradik berusia lingkungan 50-an itu ditahan dalam serbuan khas SPRM di sekitar Lembah Klang antara jam 11.40 pagi hingga 12.45 tengah hari semalam.

Pada masa sama, seorang lelaki berusia 69 tahun yang berperanan selaku orang tengah dalam urusan pemilikan tanah itu dibebaskan daripada tahanan reman dengan jaminan SPRM hari ini selepas ditahan sejak 19 September lalu.

Pada bulan lalu, SPRM mengumumkan penubuhan satu jawatankuasa khas bagi menyiasat isu berkenaan yang meneliti aspek rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam kes tanah Gatco.

Rentetan kes Gatco bermula selepas pemilik asal tanah seluas 2,000 hektar berkenaan, Syarikat Gula Negeri Sembilan ditutup, menyebabkan ladang tebu terbabit dilupuskan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) secara pajakan 99 tahun.

PKNNS kemudian memajakkan tanah itu selama 66 tahun kepada *The Great Allonioners Trading Corporation Bhd. (Gatco)* pada 1977.

Syarikat itu kemudian menjadikan kawasan tersebut sebagai tanah rancangan dengan membawa masuk peserta yang ditawarkan tapak rumah dan tanah kebun seluas empat hektar dengan bayaran antara RM4,000 dan RM7,000 seorang.

Pada awalnya, kawasan itu dirancang dijadikan ladang getah, namun *Gatco* menghadapi masalah kewangan menyebabkan projek terbengkalai dan tanah dirampas lalu dilelong pada 2004 sebelum dibeli sebuah syarikat pada 2007.

**17. Setiausaha Politik Menteri ditahan kes seleweng dana PTPK**

KEPALA BATAS 27 Sept. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menahan Setiausaha Politik kepada seorang menteri kabinet bagi membantu siasatan kerana disyaki terlibat dalam penyelewengan dana RM40 juta bagi program latihan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Difahamkan lelaki itu ditahan pukul 12.30 tengah hari tadi ketika hadir memberi keterangan berkaitan kes itu di ibu pejabat SPRM di Putrajaya.

Penahanan lelaki bergelar Datuk yang berusia 61 tahun itu disahkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad.

Menurut Dzulkifli, lelaki itu disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Sebelum ini empat individu termasuk Ketua Eksekutif PTPK bergelar Datuk dibebaskan dengan jaminan selepas ditahan reman sejak 14 September lalu.

**18. Penolong pegawai dituduh rasuah RM5,000**



ABDUL KADAR K SIKINTHAR BACHA (kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen Ipoh atas tuduhan menerima suapan RM5,000 hari ini.

IPOH 28 Sept. - Seorang Penolong Pegawai sebuah jabatan kerajaan mengaku tidak bersalah atas tuduhan menerima rasuah RM5,000 pada Julai lalu ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Abdul Kadar K Sikintha Bacha, 48, didakwa melakukan perbuatan itu ketika bertugas sebagai Penolong Pegawai Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Daerah Larut Matang dan Selama pada 26 Julai lalu di Syarikat K Pitchai, Jalan Barrack, Taiping.

Dia didakwa menerima suapan wang tunai sebanyak RM5,000 daripada Sarmugam Cinnapan kononnya untuk diberikan kepada seorang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ia sebagai dorongan untuk membantu menyelesaikan kes berkaitan pengadu dengan SPRM Taiping.

Dia dituduh di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang mana sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman penjara maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau yang mana lebih tinggi.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa SPRM, R Kumuthambal di hadapan Hakim S Indra Nehru manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

### 19. Setiausaha Politik menteri direman enam hari



Setiausaha Politik Menteri Sumber Manusia dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya bagi mendapatkan perintah reman berhubung penyelewengan dana Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, semalam.

PUTRAJAYA 28 Sept. - Setiausaha Politik kepada Menteri Sumber Manusia direman enam hari mulai hari ini bagi membantu siasatan kes penyelewengan dana RM40 juta Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Perintah reman sehingga 3 Oktober ini dikeluarkan oleh Majistret Azizah Ahmad selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah.

Lelaki itu disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Setiausaha Politik bergelar Datuk itu ditahan pada pukul 12.30 tengah hari semalam ketika hadir memberikan keterangan di Ibu pejabat SPRM.

Sebanyak empat individu termasuk Ketua Eksekutif PTPK bergelar Datuk sebelum ini dibebaskan dengan jaminan selepas direman sejak 14 September lalu.

Sebelum ini Utusan Malaysia melaporkan tiga pegawai PTPK dan seorang pengarah syarikat disyaki terlibat menyalahgunakan kedudukan dan menyeleweng wang peruntukan program latihan kemahiran bagi mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.

Siasatan awal SPRM mendapati pada tahun 2016, salah seorang suspek disyaki menyeleweng sebanyak RM15 juta manakala RM25 juta pula pada tahun ini sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan RM40 juta.

Memetik sumber SPRM, laporan akhbar ini menyebut kerajaan memperuntukkan RM40 juta untuk tahun ini kepada perbadanan itu bagi mengendalikan program-program latihan manakala pada tahun 2016, sejumlah RM35 juta turut diperuntukkan.

Ketiga-tiga pegawai PTPK terlibat turut dikatakan telah bersubahat dengan pengarah syarikat tersebut dengan meluluskan 15 syarikat miliknya untuk mengendalikan program-program berkenaan.

**20. Penyelewengan PTPK: Lebih banyak saksi akan dipanggil**



DZULKIFLI Ahmad ( kiri ) bersama Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr.Zambry Abd Kadir melihat mural yang dihasilkan pada dinding bangunan SPRM ketika di Program Perasmian Mural Pencegahan Rasuah di Bangunan SPRM Perak, di sini hari ini

IPOH 29 Sept. - Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkipli Ahmad tidak menolak kemungkinan terdapat saksi-saksi lain yang akan dipanggil termasuk dari Kementerian Sumber Manusia selepas Menterinya, Datuk Seri Richard Riot tampil memberikan keterangan berhubung isu penyelewengan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Beliau juga tidak menolak kemungkinan bahawa SPRM akan memanggil semula Richard atau saksi-saksi lain sekiranya terdapat keperluan, bergantung kepada hasil siasatan.

"Pagi tadi kita telah memanggil Menteri berkenaan untuk dirakamkan percakapan. Kita akan meneliti lagi keterangan yang kita dapat daripada Setiausaha Politik dan Menteri berkenaan.

"Sekiranya ada keperluan, kita akan panggil saksi-saksi lain yang berkaitan untuk membantu siasatan. Sudah pasti akan ada sebab semua dokumen itu berada di kementerian dan dalam proses biasa, ia bukan melibatkan seorang sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas program perasmian Mural Pencegahan Rasuah yang dirasmikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir di Bangunan SPRM Perak di sini hari ini.

Dzulkipli berkata, Richard telah dipanggil untuk memberikan keterangan kepada SPRM hasil maklumat awam serta risikan yang dilakukan oleh pihaknya.

Tambah beliau, pihaknya juga sedang mengemas kini siasatan setelah terdapat asas untuk kertas siasatan dibuka, malahan beberapa tangkapan turut telah dibuat. -

**21. Pengarah kolej swasta direman untuk siasatan SPRM**

KUANTAN 30 Sept. - Seorang pengarah sebuah kolej swasta di Maran dekat sini direman selama lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah melibatkan pengeluaran sijil kepada pelajar perubatan untuk tujuan melanjutkan pengajian ke luar negara.

Majistret Nordiana Abd. Aziz mengeluarkan perintah selepas membenarkan permohonan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Permohonan reman dilakukan oleh Pegawai Pendakwa SPRM, Kamariah Seman.

Peguam Datuk Ng See Teong yang mewakili pengarah berusia 53 tahun itu semasa ditemui berkata, anak guamnya ditahan di Bandar Pusat Jengka, Maran petang semalam.

Difahamkan, suspek dipercayai meminta bayaran sebanyak RM2,500 bagi setiap pelajar yang ingin memiliki sijil berkenaan dengan melibatkan seramai 20 orang.

See Teong memaklumkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi dan penjara sehingga 20 tahun, jika sabit kesalahan.

## 22. Richard beri keterangan 10 jam



RICHARD RIOT diiringi pegawai (SPRM) selepas memberi keterangan berhubung penyelewengan PTPK di Putrajaya, malam tadi.

PUTRAJAYA 29 Sept. - Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot dipanggil memberi keterangan selama 10 jam kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini berhubung kes penyelewengan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Beliau yang berpakaian kemeja putih dan bertali leher warna merah tiba di Ibu pejabat SPRM di sini pada pukul 10.03 pagi dan sempat melemparkan senyuman kepada media yang berada di tempat tersebut.

Selepas selesai beri keterangan, Timbalan Presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) juga Ahli Parlimen Serian itu dilihat keluar dari pejabat SPRM itu pada pukul 8 malam dengan menaiki kenderaannya.

Terdahulu, Richard ketika ditemui berkata, "Saya datang untuk membantu siasatan SPRM... tiada dokumen diserahkan. Saya datang dengan tangan kosong."

Ketika ditanya mengenai tempoh yang diambil terlalu lama memberikan keterangan, beliau dengan ringkas berkata: "Itu biasa sahaja."

Semalam, Setiausaha Politik beliau direman enam hari bagi membantu siasatan penyelewengan dana kerajaan RM40 juta untuk PTPK.

Sebelum ini, empat individu termasuk Ketua Eksekutif PTPK bergelar Datuk dibebaskan dengan jaminan selepas ditahan reman sejak 14 September lalu.

Utusan Malaysia pernah melaporkan tiga pegawai PTPK dan seorang pengarah syarikat disyaki terlibat menyalahgunakan kedudukan dan menyeleweng wang peruntukan program latihan kemahiran bagi mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.

Siasatan awal SPRM mendapati pada tahun 2016, salah seorang suspek disyaki menyeleweng sebanyak RM15 juta manakala RM25 juta pula pada tahun ini, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan RM40 juta.

Sementara itu di Ipoh, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad berkata, beliau tidak menolak kemungkinan terdapat saksi-saksi lain yang akan dipanggil termasuk dari Kementerian Sumber Manusia selepas Richard tampil memberikan keterangan berhubung isu PTPK.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan SPRM akan memanggil semula Richard atau saksi-saksi lain sekiranya terdapat keperluan, bergantung kepada hasil siasatan.

"Pagi tadi kita telah memanggil Menteri berkenaan untuk dirakamkan percakapan. Kita akan meneliti lagi keterangan yang kita dapat daripada Setiausaha Politik dan Menteri berkenaan.

"Sekiranya ada keperluan, kita akan panggil saksi-saksi lain yang berkaitan untuk membantu siasatan. Sudah pasti akan ada sebab semua dokumen itu berada di Kementerian dan dalam proses biasa, ia bukan melibatkan seorang sahaja," katanya.

Tambah beliau, pihaknya kini sedang mengemas kini siasatan setelah mendapati terdapat asas untuk kertas siasatan tersebut dibuka, malahan beberapa tangkapan juga telah dilakukan.